

# Perlembagaan Persekutuan tidak perlu pindaan

UM 8 OCT 200

JOHOR BAHRU 7 Okt. — Perlembagaan Persekutuan tidak memerlukan pindaan kerana telah memenuhi prinsip-prinsip asas Piagam Madinah, sekali gus mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang menepati ajaran Islam.

Penolong Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob berkata, perlembagaan negara ini telah mengambil semangat Piagam Madinah apabila meletakkan Islam sebagai agama rasmi dengan memberi kebebasan kepada orang bukan Islam mengamalkan agama masing-masing.

“Walaupun tidak dinamakan perlembagaan Islam, Perlembagaan Malaysia sudah dianggap menepati kehendak Islam kerana memenuhi ciri-ciri utama Piagam Madinah. Jadi Perlembagaan kita tidak perlu dipinda,” katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk ‘Piagam Madinah: Perterjemahan Pelaksanaan di Malaysia’ pada Seminar Islam, Politik dan Kerajaan’ di sini, hari ini.

Jelasnya, umat Islam perlu memahami falsafah pembentukan Piagam Madinah oleh Rasulullah dalam memperkenalkan konsep kesatuan ummah termasuk bukan Islam dengan masing-masing mempunyai hak-hak kewajipan yang sama dan saling hormat-menghormati.

“Perlembagaan ini juga memperkenalkan konsep persaudaraan, bantu-membantu dalam perang yang tidak bercorak agama, persamaan dan kebebasan. Hak seseorang dijamin dan sekali-kali tidak boleh dicerobohi oleh sesiapa,” ujarnya.

Jelasnya, Piagam Madinah telah digubal oleh Nabi Muhammad s.a.w. pada 1400 tahun yang lampau, adalah berasaskan keadaan semasa antara masyarakat Islam Ansar dan Muhajirin dan puak-puak Yahudi.

Oleh kerana itu katanya, semua perkara di dalam Piagam Madinah tidak boleh dcedok secara terus kerana ia dibuat sesuai untuk konteks zaman Rasulullah.

“Kita hayati prinsip Piagam Madinah tetapi pendekatan zaman ia berbeza dari satu tahap ke tahap yang lain.

“Terdapat bahagian yang tidak relevan dengan konteks semasa sekarang tetapi prinsip universal dan kaedah umum perlu dikekalkan,” katanya.

Dalam konteks ini jelasnya, ia dapat dikaitkan dengan Perlembagaan Malaysia yang melibatkan perjanjian sosial antara pelbagai kaum dan agama.

Sebagai contoh, katanya, semasa zaman Nabi Muhammad ketiga-tiga bidang eksekutif, legislatif dan kehakiman dikuasai oleh baginda yang bertindak sebagai ketua negara.

Bagaimanapun jelasnya, pada zaman sekarang, bidang kuasa itu diasingkan namun elemen asas tetap diwujudkan dalam perlembagaan.

Bertolak dari situ, beliau berkata, para ulama perlu berani memberikan penghuraian baru terhadap bidang pentadbiran negara kerana nas-nas al-Quran dan Sunah adalah terbatas.

Jelasnya, perbincangan dan kajian tentang Piagam Madinah lebih relevan dalam suasana sekarang apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia adalah negara Islam.

“Kita tidak boleh melihat negara Islam itu dari aspek pelaksanaan hukum jenayah semata-mata tetapi realiti keseluruhan aplikasi sistem,” katanya.